

TARIKH	13 / 7 / 2015	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	1	RUANGAN	

PM agih zakat kepada 5,981 penerima

PEKAN - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengagihkan sumbangan zakat kepada 5,981 penerima terdiri daripada golongan asnaf, warga emas, golongan orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal di Parlimen Pekan di sini semalam.

Terdahulu dalam majlis yang berlangsung di Dewan Konvensyen, Najib yang merupakan Ahli Parlimen Pekan turut menerima sumbangan zakat lebih RM16 juta daripada lapan badan korporat dan seorang ahli perniagaan.

Kesemua zakat berkenaan diterima daripada Bank Rakyat sebanyak RM600,000; UDA Holdings Berhad (RM200,000); Affin Islamic Bank Berhad (RM100,000) dan Roadcare (M) Sdn. Bhd. (RM100,000).



NAJIB dan Rosmah mengagihkan zakat kepada warga emas, OKU dan ibu tunggal di Parlimen Pekan semalam.

Zakat turut disumbangkan oleh Lembaga Tabung Haji sebanyak RM100,000;

SME Bank (RM50,000); Yayasan Basmi Kemiskinan (RM50,000) dan to-

koh perniagaan, Datuk Bakri Ismail dan isteri, Datin Mariamah Moha-

med (RM100,000).

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek mewakili Bank Rakyat.

Setiap orang menerima RM250 wang zakat sebagai bantuan bagi membeli persiapan menjelang Aidilfitri ini.

Seorang penerima Rani Abas, 60, dari Kampung Pulau Serai di sini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana prihatin dengan nasib rakyat melalui sumbangan zakat berkenaan.

"Dalam keadaan barang yang semua naik pada masa ini, dapatlah sedikit sebanyak sumbangan ini digunakan untuk membeli barangan keperluan men-

jelang Hari Raya Aidilfitri," katanya yang mempunyai empat orang anak serta suami yang kini terlanjar di hospital kerana menghidap penyakit kencing manis.

Sementara itu, bagi Masliah Jusoh, 55, dari Kampung Bunut di sini, wang zakat yang diterima itu akan digunakan untuk persiapan raya termasuk membeli baju untuk empat anaknya yang berumur lapan hingga 19 tahun.

"Tahun ini, kami sekeluarga hanya membuat sambutan hari raya secara ala kadar kerana kesihatan saya yang tidak mengizinkan untuk membuat kerja berat," katanya yang menghidap kanser usus dan terpaksa berulang alik ke Hospital Tengku Ampuan Afzan untuk rawatan sejak setahun yang lalu.